

KETEGASAN DENGAN

U.M. - 9 DEC 1992

(P)

Oleh
Shamri Shamsul Anuar

KETEGASAN Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam memberi jaminan akan melindungi mana-mana individu yang tampil membuat laporan akibat dianiaya oleh pihak istana adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan.

Tidak ada peruntukan undang-undang yang memberi hak kepada sesiapa memukul atau membunuh seseorang.

Dalam Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan menyebutkan: "Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

Sebelum ini rakyat telah didedahkan dengan sikap kasar pihak istana dalam beberapa hal, ini termasuklah tindakan putera Sultan Johor, Tengku Majid memukul penjaga gol hoki Perak di Johor Baharu tidak lama dahulu.

Kemudian isu campurtangan istana dalam sukan yang menyebabkan pasukan hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) menarik diri daripada perlawanan separuh akhir Kejohanan Hoki Juara Sekolah-Sekolah Malaysia anjuran Persatuan Hoki Malaysia/Milo.

Berikutan dengan campurtangan tersebut, sekali lagi masyarakat didedahkan dengan perihalnya pihak istana yang mana akhirnya jurulatih maktab itu, Douglas Gomez dipukul semasa pergi ke istana.

Perlu disebut, memukul adalah salah satu perbuatan jenayah dan ia juga tertakluk kepada undang-undang jenayah. Dari apa yang dapat ditakrifkan pengertian Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan itu bahawa seseorang yang kena pukul itu berhak mendapat perlindungan di sisi undang-undang.

Barang siapa melakukan sesuatu jenayah, maka perbuatannya disifatkan sudah melanggar hak masyarakat atau hak awam dan orang ini mestilah dijatuhkan hukuman yang tertentu.

Apakah yang dikatakan undang-undang jenayah? Untuk memberi takrif yang tepat mengenainya amatlah sukar tetapi untuk faedah kita di sini memadai sekiranya dikatakan, jenayah ialah kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat hendak melakukannya.

Sesuatu perbuatan itu tidak boleh jadi jenayah sekiranya ia tidak berserta dengan niat, walaupun akibat dari perbuatan yang seperti itu membawa cedera dan maut.

Dalam bahasa Latin dikatakan, *Actus non facit reum nisi mensit rea*, maknanya sesuatu perbuatan itu tidak boleh menjadi jenayah sekiranya tidak disertai dengan niat atau maksud jahat.

Begitulah juga apabila seseorang tercedera dalam perlawanan tinju, walaupun kecederaan ini membawa maut tetapi lawannya tidak boleh dipersalahkan kerana tiap-tiap orang memasuki gelanggang sukan, bermakna dia bersetuju menerima segala kemungkinan yang terjadi kepada dirinya dalam sukan itu.

**PERLEMBAGAAN
P.M SELARAS**

Prinsip ini di dalam bahasa Latin disebut *Voluntati non fit injuria*, maknanya persetujuan tidak boleh menjadi kesalahan.

Dalam undang-undang, untuk menafikan niat jahat supaya sesuatu itu tidak termasuk ke dalam golongan kesalahan jenayah ada beberapa alasan, antaranya:

* Kemalangan (*accident*).

* Persetujuan atau izin (*consent*).

* Hak pertahanan diri dan harta (*right of private defence*).

* Hilang akal kerana mabuk atau gila (*unsoundness of mind*).

* Melakukan perbuatan kerana menurut perintah undang-undang (*lawful execution of duty*).

* Tidak berkeupayaan (*incapacity*) kerana kurang akal dan tidak sampai umur.

Berkait dengan beberapa isu yang ditimbulkan oleh pihak istana telah membangkitkan rasa tidak puas hati rakyat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Malaysia, raja adalah bebas daripada tindakan undang-undang mengikut peruntukan berikut:

“Artikel 181(2) No proceeding whatsoever shall be brought in any court against the Ruler of a State in his personal capacity.....” Akta dalam Bahasa Malaysianya berbunyi:

“Tiada apa-apa perbicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap raja bagi sesuatu negeri atas sifat dirinya sendiri.”

Kebebasan tidak bermakna seseorang raja boleh mencuri atau membunuh ataupun melakukan berbagai jenayah yang ditegah bagi rakyat

Sungguhpun peruntukan perlembagaan itu jelas, tapi ini tidak bermakna bahawa raja bebas membuat secara sesuka hati. Kebebasan itu juga terhad mengikut kefahaman yang tidak bertulis.

Kebebasan tidak bermakna raja boleh mencuri atau membunuh ataupun melakukan berbagai-bagai jenayah yang ditegah bagi rakyat.

Ini jelas apa yang diterangkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bahawa memang benar ada keistimewaan yang diberikan kepada pihak tertentu tetapi jika pukul atau bunuh orang, kerajaan tetap akan mengambil tindakan.

Apakah konsep kebebasan? Apakah ia *absolute* atau mutlak — tidak terhad? Apakah kita boleh membuat apa sahaja atas alasan bahawa dalam demokrasi kita bebas?

Dalam hal ini, kita patut menolak keganjilan dan keterlaluan ini, apakah kita tidak boleh menolak yang lain juga jika kita mendapati ia keterlaluan, tidak mendatangkan faedah dan tidak sesuai dengan masyarakat kita.

Apabila kebebasan daripada tindakan undang-undang diperuntukkan kepada seseorang termasuk institusi diraja, kemungkinan secara keterlaluan melakukan sesuatu yang dilarang oleh undang-undang.

Mungkin sekali dua pelanggaran undang-undang dilakukan masyarakat akan menutup mata. Tetapi jika dengan sengaja dan berkali-kali pencabulan undang-undang dibuat, masyarakat tidak akan menerimanya.

Kadang-kadang yang melakukan kesalahan bukan sahaja raja yang memerintah, tetapi juga keluarga diraja. Oleh kerana menghormati raja, maka kerap kali kesalahan ini dibiarkan begitu sahaja.

Bagaimanapun menanah yang kecil akhirnya membesar dan pecah juga akhirnya, begitulah perasaan rakyat terhadap pihak istana kini.

Tingkah laku yang dilakukan oleh pihak istana ini perlu segera dibendung supaya ia tidak terus menghilangkan kesetiaan rakyat kepada raja.

Raja atau sultan ataupun kerabatnya perlu menjaga moral supaya ia tidak terjadi sebagaimana apa yang telah berlaku ke atas kerabat diraja Britain.

Perlu disebut, dari reaksi rakyat Britain kini terhadap institusi dirajanya telah menunjukkan bahawa rakyat tidak puas hati dengan keluarga istana.

Harold Brook-Baker, Pengarah Burke Peerage, seorang aristokrat pernah berkata baru-baru ini, bahawa kebencian masyarakat terhadap keluarga diraja Britain kini semakin meluap-luap sehingga dan hanya menunggu masanya saja rakyat menuntut diadakan pungutan suara untuk membentuk negara republik.

Masyarakat Britain kini berharap untuk mempunyai keluarga diraja yang boleh mereka sayangi dan hormati. Bukan sekumpulan yang menganggap mereka boleh bertindak kasar ke atas setiap orang.

Perlu diingatkan juga, tujuan rencana ini membahaskan secara terbuka tentang pencabulan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen bukanlah untuk mempengaruhi menukar sistem beraja di mana-mana negeri.

Niat dan tujuan kita ialah untuk memperingati pihak tertentu supaya sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia dapat diperbaiki dengan selamat.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1990, 1991 dan tahun 1992 soal raja-raja telah dibangkitkan. Ahli-ahli parti tidak begitu senang hati dengan penglibatan raja dalam politik dan perniagaan.

Berhubung dengan Perhimpunan Agung UMNO 1992 yang lalu, Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi telah menjelaskan dalam ucapan dasarnya mengenai kedudukan raja-raja.

“Jika kita mengkritik gerak-geri mana-mana raja, sebabnya ialah supaya gerak-geri yang tidak menyenangkan ini dapat dihentikan dan dengan itu sokongan terhadap sistem beraja tidak akan terjejas.

Adalah disedari bahawa penerimaan Sistem Raja Berperlembagaan adalah bertujuan mengekalkan raja dan sistem beraja tanpa menjejaskan amalan demokrasi.